

Kepuasan Pelajar Terhadap Penasihat Akademik

Noriadah Abdul Karim,* Hamdan Said, Norashuha Tajuddin, Tee Tiam Chai, Nguyen Thuy Van, Ros Ilyani Rosdi, Mohd Rustam Mohd Rameli^f

Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

*Corresponding author : rhada_jki8419@yahoo.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kepuasan pelajar terhadap penasihat akademik dalam membimbing pembangunan akademik, sahsiah, kerjaya dan kesediaan diri mereka. Tahap kepuasan diukur dengan mengambil kira jantina penasihat akademik, pencapaian akademik, tahun pengajian dan bidang pengajian. Seramai 700 pelajar ijazah sarjana muda dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis daripada 13 fakulti di UTM. Instrumen yang digunakan diubah suai daripada *Academic Advising Inventory* (AAI) dan *Academic Evaluation Adviser* (AED) telah digunakan dalam pengumpulan data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kepuasan pelajar terhadap penasihat akademik adalah pada tahap sederhana dan tidak dipengaruhi secara langsung oleh penasihat akademik dan pencapaian akademik. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa jantina penasihat akademik, tahun akademik, dan bidang pengajian pelajar mempengaruhi kepuasan pelajar. Hasil analisis Ujian-T menunjukkan bahawa kepuasan pelajar lebih tinggi terhadap penasihat akademik wanita. Ujian ANOVA sehalu menunjukkan bahawa pelajar tahun ketiga mempunyai tahap kepuasan yang tinggi berbanding dengan tahun pengajian lain. Selain itu, pelajar Bidang Sains Sosial mempunyai kepuasan yang lebih rendah terhadap penasihat akademik mereka berbanding pelajar dari bidang lain. Manakala pelajar Bidang Kejuruteraan menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi terhadap penasihat akademik mereka. Dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai asas bagi mengukuhkan lagi perkhidmatan kaunseling dan akademik di UTM.

Kata kunci : Kepuasan, penasihat akademik, pembangunan akademik, pembangunan sahsiah, pembangunan kerjaya.

Pengenalan

Institusi pengajian tinggi (IPT) merupakan platform untuk membina modal insan kelas pertama dengan meningkatkan pengetahuan dan kompetensi serta mengukuhkan keupayaan pelajar. Peranan IPT dianggap kritikal dalam menyediakan landasan ke arah meningkatkan daya saing negara di peringkat global melalui penyampaian pendidikan yang berkualiti. Selari dengan ekosistem IPT yang lebih fleksibel dan interaktif hasil gabungan golongan mahasiswa, secara tidak langsung dapat menghasilkan mereka lebih responsif dan berupaya menterjemahkan objektif mutakhir negara melalui pengemblengan kekuatan cendekiawan dan cerdik pandai negara yang proaktif, kreatif dan inovatif serta mempunyai jati diri yang tinggi.

Dalam menuju ke arah mencapai aspirasi pendidikan negara untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pengajian tinggi antarabangsa, IPT seharusnya mengambil langkah-langkah transformasi yang sesuai bagi memastikan kecemerlangan IPT sentiasa dibudayakan sepenuhnya dengan memastikan kualiti pengajian tinggi sentiasa relevan bagi melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak mulia dan berketrampilan. IPT juga perlu memastikan bahawa graduan yang dihasilkan cemerlang dalam akademik dan bersedia untuk bersaing secara kompetitif di pasaran kerja serta memastikan pembangunan insaniah yang menyeluruh dapat dipenuhi.

Menyesuaikan diri dengan suasana kampus pada permulaan menjejaskan kaki ke universiti merupakan pengalaman yang sukar bagi sebahagian besar pelajar yang baru menamatkan pengajian di peringkat menengah atau pra universiti (Tinto, 1996). Golongan pelajar ini berusaha untuk menamatkan pengajian dengan cemerlang sebagai graduan yang mampu mencapai tahap minda kelas pertama dan mampu bersaing di peringkat global. Bagaimanapun bukan semua pelajar dapat menamatkan pengajian mengikut masa yang ditetapkan atau berjaya menamatkan pengajian hingga memperolehi segulung ijazah. Pernyataan ini disokong oleh dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Tinto (1996) dan Martin jr, Swartz dan Madson (1999) yang mendapati bahawa kegagalan pelajar meneruskan pengajian ke semester seterusnya di IPT adalah disebabkan masalah penyesuaian. Fenomena masalah penyesuaian yang serius akan memberi impak yang negatif kepada pelajar dan seterusnya akan menjejaskan pencapaian akademik pelajar di IPT (Baker & Stryk, 1999; Wintre & Bowers, 2007). Hal yang demikian, pihak IPT telah memberi respons kepada isu-isu pengekalan pelajar dengan melaksanakan program dan perkhidmatan sokongan, memandangkan kadar pengekalan pelajar di IPT yang masih perlahan. Usaha dan program yang dirancang telah cuba dilaksanakan bagi membantu pelajar agar dapat menamatkan pengajian di IPT dalam tempoh masa yang ditetapkan, menjadi graduan yang berkualiti dan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi.

Sebagai sebuah IPT, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui Dasar Pembangunan Mahasiswa (DPM) yang disampaikan dalam amanat Timbalan Naib Canselor (HEMA) UTM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Tajudin Ninggal sempena Minggu Transformasi Mahasiswa sesi 2011/2012 menggariskan fungsi DPM iaitu bertujuan melahirkan graduan holistik yang bercirikan kepatuhan kepada Tuhan dan mempunyai keseimbangan jasmani, emosi, rohani, intelek serta sosial (JERIS) untuk memenuhi kehendak pasaran, masyarakat tempatan dan global. Dasar ini berasaskan tujuh nilai teras iaitu proaktif, berdikari, integriti, kompetitif, berbudi mulia, bekerjasama dan tabah. Justeru itu, bagi menghasilkan mahasiswa yang holistik dan mempunyai minda kelas pertama, Dasar Pembangunan

Mahasiswa UTM telah meletakkan satu daripada empat strategi utamanya iaitu memberi sumbangan dalam pembangunan modal insan dengan menyediakan pendidikan yang berkualiti melalui tiga objektif utama DPM iaitu pembangunan akademik, pembangunan individu dan sosial dan pembangunan kerjaya (Datuk Tajudin Mohd. Ninggal, Amanat Timbalan Naib Canselor (HEMA) Sempena Minggu Transformasi Mahasiswa Sesi 2011/2012)

Pembangunan pelajar perlu dicanai dan dibentuk dengan teliti agar dapat menghasilkan insan yang seimbang dan harmonis seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara. Andaian yang mengatakan bahawa pelajar IPT telah dewasa dan berupaya mendorong diri sendiri adalah tidak tepat kerana mereka adalah golongan muda yang masih memerlukan bimbingan dan panduan orang dewasa untuk mengambil berat tentang diri mereka (Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 2012). Pelajar akan menghadapi pelbagai cabaran dalam hidup di peringkat awal dewasa berada di IPT yang memungkinkan mereka menghadapi tekanan dan desakan yang menguji keupayaan mereka. Berdasarkan kajian yang dijalankan di sebuah universiti awam tempatan di Malaysia, masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tahun pertama ialah masalah akademik seperti mendaftar kursus dan matapelajaran yang sesuai, masalah kesihatan, krisis kewangan serta masalah sosial dan peribadi (Ahmad Khamis, Noran Fauziah, Azemi Shaari & Mohd Zailani, 2002). Situasi pembelajaran yang mencabar dan kompetitif mendedahkan pelajar dengan pelbagai maklumat yang memerlukan kebijaksanaan dan pemikiran yang rasional serta pilihan yang tepat. Selaras dengan itu, satu sistem telah dibentuk khusus untuk menangani keperluan pelajar di IPT terhadap perkara yang berkaitan dengan akademik iaitu Sistem penasihat akademik (SPA).

SISTEM PENASIHATAN AKADEMIK

Sistem penasihat Akademik (SPA) adalah satu sistem yang bertujuan untuk mewujudkan suatu saluran perhubungan yang sistematik kepada pelajar untuk mendapatkan bimbingan, nasihat dan berbincang perihal akademik bersama Penasihat akademik (PA) mereka (Norul Fazlina & Nornawar, 2007). Menurut Nurul Fazlina dan Nornawar (2007), SPA bertujuan untuk melahirkan golongan pelajar yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah diri serta bertanggungjawab. Pernyataan tersebut diselarikan dengan tujuan SPA iaitu membantu pelajar menyesuaikan diri dalam sistem pengajian universiti atau IPT supaya matlamat penggunaan sistem semester dapat direalisasikan dengan sempurna dan membantu serta membimbing pelajar menyelesaikan masalah akademik, sosial, merancang pembangunan individu secara holistik dan merancang kerjaya dengan lebih efektif (UTM, 2012).

Krimer (2000) menyatakan, awal penubuhan program penasihat akademik adalah bertujuan untuk menyediakan jawapan kepada persoalan dan perbincangan isu-isu akademik pelajar. Program penasihat akademik merupakan komponen yang penting di IPT sebagai kesinambungan interaksi yang berterusan antara pelajar dengan pihak universiti (King, 1993). Oleh itu, melalui program penasihat akademik, pelajar lebih mengenali kehidupan mereka, mampu membuat keputusan yang berkaitan dengan masa depan dan sentiasa mendapat sokongan dari pihak universiti bagi mempertingkatkan potensi diri sepanjang berada di IPT.

Menurut Professor Ir. Dr. Mohd. Azraai bin Kassim, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dalam buku panduan *Academic Advising: Ensuring Student Success, 2010*, pihak UTM cuba untuk memastikan bahawa tempoh transisi dari peringkat sekolah ke peringkat universiti merupakan suatu pengalaman yang tidak dapat dilupakan dan sangat bermakna untuk golongan mahasiswa melalui Program penasihat akademik. Beliau juga menyatakan bahawa program tersebut dapat membantu golongan pelajar untuk mencapai matlamat peribadi dan akademik masing-masing. Program penasihat akademik juga bertujuan untuk menyediakan pendekatan yang menyeluruh kepada hubungan pelajar dan penasihat akademik di luar persekitaran bilik kuliah, di mana pelajar boleh menerima tunjuk ajar dan bimbingan serta membincangkan topik-topik seperti kursus yang diambil, bidang kerjaya, dan membuat penilaian bersama dengan penasihat akademik (Upcraft, 2005). Kajian menunjukkan bahawa hubungan interaksi secara tidak formal yang wujud antara pelajar dan penasihat akademik telah menghasilkan persepsi yang positif kepada pelajar berkaitan dengan persekitaran universiti, pencapaian akademik, pembangunan individu, integrasi sosial, motivasi, kepuasan dalam proses bimbingan dan nasihat, dan pengekalan (Chickering & Reisser, 1993; Grites & Gordon, 2000).

Tuttle (2000) menyatakan bahawa salah satu komponen utama mana-mana program pengekalan kecemerlangan bergantung kepada kebolehfungsian sistem penasihat akademik yang berkesan. Hal ini kerana sistem penasihat akademik bukan hanya berfungsi semasa mendapatkan jadual kursus dan pendaftaran pelajar semasa permulaan semester pengajian, malah pelajar perlu mengambil inisiatif membina hubungan yang baik dengan penasihat akademik mereka agar dapat memperolehi manfaat dan informasi yang berguna hatta dapat membantu mengikuti pengajian di IPT. Tambahan pula, sistem penasihat akademik sebagai struktur terpenting di IPT bertujuan merapatkan hubungan interaksi yang berkekalan antara pelajar dan pihak universiti (Hunter & White, 2004). Peranan program penasihat akademik juga disokong oleh Pascarella dan Terenzini (2005) dengan menyatakan bahawa program penasihat akademik memainkan peranan penting dalam membantu pelajar membuat keputusan dan menamatkan pengajian dengan cemerlang.

Kajian juga menunjukkan bahawa proses bimbingan dan nasihat yang tidak dilaksanakan dengan berkesan, memberi kesan negatif kepada pelajar seperti mengambil keputusan untuk berhenti dari universiti, mempunyai pandangan negatif terhadap universiti dan kakitangan universiti, dan rendah dalam pencapaian akademik (Grites & Gordon, 2000). Hal demikian, kepekaan penasihat akademik dalam memberikan khidmat bimbingan dan nasihat

kepada para pelajar perlu ditekankan untuk menarik perhatian lebih ramai pelajar agar kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh setiap penasihat akademik boleh dilihat melalui perspektif pelajar sebagai responden penting yang terlibat dalam perkhidmatan yang diberikan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian dalam negara yang berkaitan dengan Penasihat akademik masih kurang dikaji berbanding di luar negara. Di UTM misalnya, kajian terakhir yang mengkaji tentang penasihat akademik dilakukan oleh Roshaliza Rosli (2009) bertajuk 'Sistem Pengurusan Penasihat Akademik FKKS', Nur Qistina & Tuan Khairul Adhar (2008) bertajuk 'Pengetahuan Pelajar Tentang Peranan Penasihat Akademik bagi Pelajar-pelajar Tahun Satu Sesi 2007/2008 di UTM'. Hasil kajian Nur Qistina dan Tuan Khairul Adha (2008) menunjukkan secara keseluruhannya pelajar tidak mempunyai pengetahuan mengenai peranan penasihat akademik. Kajian-kajian lain seperti 'Persepsi Pelajar Pendidikan Tahun 3 (SPA/E/J/H) terhadap Program Sokongan Pembelajaran (Penasihat Akademik) di UTM, Skudai' oleh Wan Rafeah (2008), 'Keperluan Penasihat Akademik kepada Pelajar: Satu Tinjauan terhadap Pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan' (Norlaili, 2002), 'Persepsi Pelajar Tahun 3 dan 4 Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) terhadap Pelaksanaan Sistem Penasihat Akademik dalam Meningkatkan Kecemerlangan Pelajar' (Wan Khairuddin & Siti Norlina, 2003), 'Penggunaan Perkhidmatan Penasihat Akademik oleh Pelajar Tahun 4 SPA/E/J dan H' (Kasmilah dan Amirmuddin, 2003), 'Pengaruh Sistem Penasihat Akademik terhadap Pencapaian Akademik Pelajar' (Abdullah & Wan Zainura, 2005) dan 'Persepsi Pelajar Pendidikan tahun 3 (SP/E/J/H) terhadap Program Sokongan Pembelajaran (PA) di UTM Skudai Johor (Wan Rafeah dan Rosni Zamuddin, 2008). Sehingga tahun 2012, kajian kepuasan pelajar UTM terhadap penasihat akademik belum pernah dilakukan. Hal demikian, kajian kepuasan pelajar UTM terhadap penasihat akademik perlu dilakukan bagi mendapat maklumbalas pelajar terhadap peranan penasihat akademik mereka agar maklumbalas dapat dijadikan panduan untuk mengukur sejauh mana keberkesanan peranan penasihat akademik. Selain itu, maklumbalas juga dapat membuat penambahbaikan dan pengkalan terhadap sistem yang sedia ada.

Coll (2007) mendapati bahawa pelajar yang mempunyai pandangan positif dan tahap kepuasan yang tinggi terhadap peranan penasihat akademik akan sentiasa mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan sepanjang tempoh pengajiannya. Hal ini menunjukkan sekiranya pelajar berpuashati terhadap peranan penasihat akademik mereka semasa proses penasihat akademik, mereka yakin untuk mendapatkan bimbingan dan nasihat selanjutnya dan ini membawa kepada perjumpaan dan hubungan yang lebih rapat antara penasihat akademik dan pelajar bimbingannya. Sejauh manakah peranan penasihat akademik dalam membantu pelajar menangani kesulitan dan permasalahan sepanjang pengajian di UTM? Bagaimanakah tahap kepuasan pelajar UTM terhadap penasihat akademik mereka? Kajian perlu dilakukan untuk mengenalpasti kepuasan pelajar UTM terhadap peranan penasihat akademik.

Proses nasihat dan bimbingan yang berkualiti dalam membuat penyesuaian peribadi pelajar dan prestasi pencapaian akademik pelajar akan menggalakkan kejayaan di dalam bidang akademik. Persoalannya, apakah penasihat akademik UTM telah memberikan penerangan dan bimbingan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan akademik? Adakah melalui peranan penasihat akademik, pelajar-pelajar ijazah pertama UTM telah disajikan dengan maklumat yang bersesuaian dan memenuhi keperluan mereka dalam aspek pembangunan akademik?

Pembangunan kerjaya memberi pendedahan kepada pelajar membuat perancangan masa hadapan, mempertingkatkan pengetahuan kritikal dan kemahiran yang diperlukan sebagai persediaan ke alam kerjaya dan bagi melibatkan pelajar agar terus maju ke hadapan dalam memilih kerjaya. Penasihat akademik seharusnya menjelaskan prospek dan pemilihan kerjaya yang bersesuaian dengan pelajar (Universiti Pertahanan Nasional, 2012). Apakah penasihat akademik telah memberikan penasihat kerjaya untuk memastikan pelajar mempunyai persediaan yang bersesuaian, kompetensi, berdaya saing dan mempunyai pelbagai kemahiran dengan maklumat yang bersesuaian dan memenuhi keperluan mereka dalam aspek pembangunan kerjaya?

Tahap kesediaan pelajar mendepani realiti kehidupan di IPT dan alaf globalisasi menguji kredibiliti dan nilai intelektual mereka untuk merealisasikan agenda negara dalam pembangunan modal insan kelas pertama. Pelajar perlu untuk mempersiapkan diri dengan kemahiran-kemahiran seperti kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran komunikasi berkesan, kemahiran membuat keputusan dan sebagainya (Goldman, Hasselbring, *et.al*, 1997; Montague, Wagner & Morgan 2000). Kemahiran generik seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran pembelajaran dan keyakinan diri merupakan kayu pengukur yang menjadi medium mengenalpasti sejauhmana tahap kesediaan pelajar mendepani kehidupan di IPT. Sejauh manakah tahap kesediaan pelajar untuk mengikuti pengajian di UTM sehingga selesai pengajian? Apakah penasihat akademik telah memberikan penasihat dari segi maklumat dan kemahiran yang bersesuaian untuk memastikan mereka mempunyai tahap kesediaan yang tinggi semasa berada di UTM.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai dan mengenalpasti kepuasan mahasiswa UTM terhadap penasihat akademik mereka sepanjang berada di universiti dan keberkesanannya terhadap pencapaian 'pelajar'. Objektif kajian yang hendak dicapai adalah seperti berikut.

- i. Mengetahui pasti kepuasan pelajar terhadap peranan yang dimainkan oleh penasihat akademik dalam pembangunan akademik.
- ii. Mengetahui pasti kepuasan pelajar terhadap peranan yang dimainkan oleh penasihat akademik dalam pembangunan sahsiah.
- iii. Mengetahui pasti kepuasan pelajar terhadap peranan yang dimainkan oleh penasihat akademik dalam pembangunan kerjaya.
- iv. Mengetahui pasti kepuasan pelajar terhadap peranan yang dimainkan oleh penasihat akademik dalam kesediaan diri.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan di UTM, Skudai Johor. Sebanyak 13 buah fakulti di UTM yang menawarkan program ijazah pertama terlibat dalam kajian ini. Populasi kajian ini bertumpu kepada semua pelajar UTM program ijazah pertama dari tahun satu hingga tahun akhir pengajian daripada 13 buah fakulti seperti dalam Jadual 3.1. Jumlah populasi pelajar Ijazah pertama bagi semester 2 tahun 2012 adalah seramai 11702 orang.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah soal selidik berdasarkan instrumen 'Academic Advising Inventory' (AAI Inventory) oleh Roger B. Winston, Jr. & Janet A. Sandor (1984) dan 'Academic Adviser Evaluation' oleh The Ohio University. Kedua-dua instrumen diubahsuai bagi memenuhi kesesuaian persoalan kajian. Instrumen soal selidik mengandungi empat aspek utama iaitu menguji kepuasan pelajar terhadap pembangunan akademik pelajar, pembangunan sahsiah pelajar, pembangunan kerjaya pelajar dan kesediaan diri pelajar.

Memandangkan skala yang digunakan dalam instrumen ini adalah skala ordinal, maka terlebih dahulu dilakukan transformasi atau penukaran daripada skala ordinal ke skala selang.

PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Hasil analisis menunjukkan bahawa, kepuasan pelajar terhadap penasihat akademik dalam membimbing pembangunan pelajar berada pada tahap sederhana iaitu min keseluruhan ialah 3.31 dan sisihan piawai 0.93. Hal ini berlaku mungkin berkaitan dengan hasil kajian iaitu pelajar kurang menggunakan kaedah berkomunikasi bersama penasihat akademik sebagai pembimbing pembangunan pelajar. Kepuasan pelajar boleh dilihat apabila mereka kerap bertemu dengan penasihat akademik. Pelajar harus bijak mengambil peluang untuk lebih berinteraksi bersama penasihat akademik kerana penasihat akademik berfungsi sebagai pemudahcara, penyelaras pengalaman pembelajaran dan pakar rujuk (Lowe & Toney, 2011) di institusi pengajian tinggi.

Dalam kajian ini juga, analisis data menunjukkan bahawa kepuasan pelajar terhadap penasihat akademik dalam membimbing pembangunan sahsiah pelajar berada pada tahap sederhana dengan min skor keseluruhan 3.25 dan sisihan piawai 0.94 mengikut persepsi responden kajian ini. Hal demikian menunjukkan bahawa peranan penasihat akademik masih perlu dipertingkatkan dan diperkasakan lagi bagi memenuhi keperluan pelajar dan secara tidak langsung dapat meningkatkan tahap kepuasan dan persepsi pelajar sebagai satu keperluan utama pelajar di universiti.

Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa kepuasan pelajar terhadap penasihat akademik dalam membimbing perkembangan kerjaya pelajar berada pada tahap sederhana dengan min skor keseluruhan 3.25 dan sisihan piawai 1.07. Hal ini mungkin disebabkan pelajar kurang berjumpa penasihat akademik bagi tujuan mendapatkan bimbingan kerjaya kerana bimbingan kerjaya sering dikaitkan dengan peranan Pusat Bimbingan Kaunseling dan Kerjaya yang terdapat di sekolah dan di institusi pengajian. Pelajar mungkin merujuk ke pusat bimbingan dan kerjaya universiti untuk mendapatkan bimbingan kerjaya. Walau bagaimanapun, pelajar boleh menemui penasihat akademik untuk mendapatkan bimbingan dan berbincang mengenai akademik, kerjaya dan sebagainya (Zarina, 1994).

Hasil kajian kepuasan pelajar terhadap peranan yang dimainkan oleh penasihat akademik dalam membimbing kesediaan diri pelajar menunjukkan berada pada tahap sederhana iaitu skor min 3.33. Kesediaan diri pelajar sering dikaitkan dengan pelajar tahun 1 yang berusaha untuk menyerap budaya dan pembelajaran di kampus. Hasil kajian menunjukkan bahawa kepuasan pelajar terhadap penasihat akademik pada tahap sederhana juga disokong oleh kajian Noel-Levitz (2006) mendapati 67.2% pelajar berpuashati terhadap penasihat akademik berkaitan dengan kejayaan individu manakala hanya 59.9% berpuashati dengan penglibatan penasihat akademik membantu menetapkan matlamat.

Selain itu, hasil kajian juga mendapati bahawa keperluan akademik dan sosial pelajar dilihat berkesinambungan mengikut perubahan pembangunan dan pertumbuhan pelajar. Kita tidak boleh beranggapan bahawa semua pelajar mempunyai kehendak yang sama. Tanggungjawab penasihat akademik berubah mengikut status pelajar. Misalnya, pelajar tahun akhir pengajian sangat memerlukan bimbingan berkaitan dengan masalah akademik dan tuntutan bergraduasi. Manakala pelajar Tahun satu dan Tahun dua pengajian berminat untuk mendapatkan bimbingan seperti membentuk keperibadian yang unggul dan menjalin hubungan yang baik dengan pihak universiti dan rakan-rakan, menyesuaikan diri dengan kehidupan kampus dan membina serta menetapkan matlamat pendidikan (Lowe dan Toney, 2000).

Kajian ini juga mendapati bahawa kepuasan pelajar terhadap penasihat akademik tidak dipengaruhi oleh pencapaian akademik. Manakala jantina penasihat akademik, tahun pengajian dan bidang pengajian mempengaruhi kepuasan pelajar terhadap penasihat akademik. Hasil analisis ujian-t menunjukkan kepuasan pelajar lebih tinggi terhadap penasihat akademik perempuan berbanding penasihat akademik lelaki. Keputusan kajian bagi ujian ANOVA sehalu terhadap kepuasan pelajar mengikut tahun pengajian menunjukkan bahawa pelajar tahun tiga pengajian mempunyai tahap kepuasan yang rendah berbanding tahun pengajian yang lain. Keputusan kajian telah menunjukkan bahawa kepuasan pelajar Tahun satu pengajian mempunyai tahap kepuasan yang tinggi terhadap penasihat akademik. Selain itu, hasil ujian ANOVA turut dilakukan bagi mengkaji kepuasan pelajar terhadap penasihat akademik mengikut bidang pengajian. Hasil analisis mendapati bahawa kepuasan pelajar bidang Sains sosial lebih rendah berbanding bidang lain terhadap penasihat akademik. Manakala pelajar bidang Kejuruteraan menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi terhadap penasihat akademik.

KESIMPULAN

Peranan penasihat akademik adalah sangat penting kepada pengekalan pelajar dan kepuasan pelajar terhadap institusi (Lowe & Toney, 2000). Walaubagaimanapun, tiada model yang terbaik bagi sistem penasihat akademik yang sesuai kepada semua institusi pengajian (Gordon, 1995). Hal demikian, semua institusi pengajian perlu berusaha dalam pelbagai aspek untuk meningkatkan pembangunan akademik, sahsiah, kerjaya dan kesediaan diri pelajar.

Sistem Penasihat akademik adalah hubungan kerjasama antara pelajar dan penasihat akademik yang bertujuan untuk membantu pelajar dalam mencapai pembangunan pendidikan yang selaras dengan minat, nilai dan kebolehan. Walaupun terdapat ramai individu di kampus, penasihat akademik merupakan mereka yang dapat membantu pelajar dalam membuat keputusan dan mencapai matlamat. Penasihat akademik diberi mandat oleh pihak universiti atau institusi pengajian tinggi untuk pengesahan program akademik pelajar dan membantu pelajar mencapai tahap yang lebih baik dalam perkembangan akademik, sahsiah, kerjaya dan kesediaan diri.

Hubungan yang baik antara penasihat akademik dan pelajar akan dapat menggalakkan dan membantu proses pembangunan kemahiran profesional dan kualiti seperti pengurusan masa. Hubungan penasihat akademik dan pelajar dapat dipupuk melalui perkembangan komunikasi dan kesediaan mendengar secara aktif. Kepuasan pelajar akan meningkat apabila penasihat akademik menyediakan bantuan untuk memahami kursus-kursus yang diperlukan, memudahkan pembangunan profesional dan menyediakan hala tuju dalam perancangan masa depan. Tambahan pula, melalui komunikasi dua hala, pelajar mampu untuk meluahkan setiap permasalahan dan kebimbangan misalnya mengenai akademik. Hal ini secara tidak langsung boleh ditangani bersama dengan penasihat akademik untuk melegakan ketegangan yang ada. Sekiranya pelajar berpuashati dengan peranan yang dimainkan oleh penasihat akademik, hal ini akan menggalakkan perkembangan peribadi, keyakinan, kekal di universiti dan dapat memperkasakan sistem penasihat akademik di institusi pengajian tinggi.

Selain itu, penasihat akademik perlu sedar teori pembangunan pelajar kerana keperluan pelajar berubah mengikut perkembangan diri pelajar (Creamer, 2000). Penasihat akademik perlu mengenali diri pelajar, ciri-ciri dan tingkah laku yang berkaitan dengan pelbagai peringkat pembangunan dan menangani keperluan pelajar dengan sewajarnya. Hal ini adalah penting bagi penasihat akademik untuk membantu pelajar dalam membangunkan keyakinan diri, dan perspektif berasaskan kekuatan serta mempunyai kebolehpasaran yang tinggi apabila bekerja. Tanpa keupayaan untuk mengenalpasti pembangunan intelek, penasihat akademik mungkin tidak dapat membantu pelajar ke arah matlamat akhir mencapai pembangunan akademik, sahsiah, kerjaya dan peribadi pelajar.

Secara keseluruhannya, kepuasan pelajar terhadap penasihat akademik berada pada tahap sederhana. Keperluan akademik dan sosial pelajar dilihat berkesinambungan mengikut perubahan pembangunan dan pertumbuhan pelajar. Kita tidak boleh beranggapan bahawa semua pelajar mempunyai kehendak yang sama. Hal demikian merujuk tanggungjawab penasihat akademik supaya sentiasa bersedia dan berubah mengikut status pelajar agar tahap kepuasan pelajar terhadap penasihat akademik dapat ditingkatkan. Penasihat akademik menghadapi cabaran dalam menyelaraskan dan menghadapi peningkatan pelbagai keperluan pelajar dan mengekalkan hubungan positif antara pelajar dan institusi pengajian. Sekiranya dijalankan secara komprehensif, penasihat akademik akan memberikan sumbangan yang besar dalam pembangunan pelajar, kejayaan pelajar dan pengalaman di institusi pengajian.

RUJUKAN

- Ahmad Khamis, Noran Fauziah Yaakub, Azemi Shaari, Mohd. Zailani Mohd. Yusoff. (2002). *Adjustment to college life and academic performance among Universiti Utara Malaysia students*. Manuskrip tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia, Kedah.
- Azmahani Abdul Aziz, Jamaludin Mohamad Yatim Dan Baharin Mesir (2006). *Kajian Peningkatan Prestasi Akademik Pelajar Melalui Program Kecemerlangan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Baker, R. W., & Siryk, B. (1999). *SACQ: Student Adaptation to College Questionnaire Manual* (2nd ed.). Los Angeles: Western Psychological Services.
- Bansal, Harvir S. & Shirley F. Taylor. (1997). Investigating the Relationship between Service Quality, Satisfaction and Switching Intentions. *Developments in Marketing Science*. Coral Gables, FL: Academy Of Marketing Science.
- Chickering, A. W., & Reisser, L. (1993). *Education and Identity* (2nd Ed.). San Francisco: Jossey-Bass.
- Coll, J. E. (2007). *A Study of Academic Advising Satisfaction and its Relationship to Student Self-Confidence and Worldviews*. University Of South Florida.
- Creamer, D. G. (2000). Use of Theory In Academic Advising. In V. N. Gordon & R. H. Wesley, & Associates (Eds.), *Academic Advising: A Comprehensive Handbook*, (pp. 17-24). San Francisco: Jossey-Bass.
- Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (2012). *Sistem Penasihat akademik*. Di akses daripada <http://www.upnm.edu.my>.
- Fauziah Hanim Abdul Jalal, Nazariah Abdul Samad Dan Hapsah Yusof (2010). *Menjana Kekuatan Keluarga Dalam Pembangunan Pelajar IPT*. National Student Development Conference (NASDEC).
- Gorden, Virginia N. (1995). *The Undecided College Student: An Academic and Career Advising Challenge* (2nd ed.). Springfield, IL: Charles C. Thomas.
- Krimer Gary L. (2000) *Advising Students at Different Educational Levels*. In Gordon, Virginia N. And Habley, Wesley R. *Academic Advising : A Comprehensive Handbook* . (pp: 84-104). San Francisco : Jossey-Bass.
- Lowe, A., & Toney, M. (2000-2001). Academic Advising: Views of the Givers and Takers. *Journal of Student Retention*, 2(2), 93-108.
- Martin Jr., W. E., Swartz, J. L., & Madson, M. (1999). Psychosocial Factors that Predict the College Adjustment of First-year Undergraduate Students: Implications for College Counselors. *Journal of College Counseling*, 2(2), 121-133.
- Noel-Levitz, Inc. (2006). *Five-Year Trend Study: National Student Satisfaction Report*. Iowa City, Ia: Noel-Levitz, Inc.
- Norlaili Sapan. (2002). *Keperluan Penasihat Akademik Kepada Pelajar. Satu Tinjauan Terhadap Pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan*. Projek Sarjana Muda Tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norul Fazlina Khashim & Nornawar Laili Nordin. (2011). *Pembangunan Sistem Penasihat Akademik di Politeknik Port Dickson Secara atas Talian*. Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Port Dickson.
- Nur Azlinda Kasma Azizan. (2010). *Kepuasan Pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Kualiti Perkhidmatan Di Pusat Kesihatan UTM Skudai, Johor* . Projek Sarjana Muda Tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (2007). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara: Perletakkan Asas Melangkaui 2020*. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara Fasa 2 (2011-2015). Di akses daripada <http://www.mohe.gov.my/psptn/>
- Portal Kementerian Pengajian Tinggi (2012). Di akses daripada <http://www.mohe.gov.my/portal/>
- Rafidah Mohd. Sanuri. (2010). *Sistem Pengurusan Penasihat Akademik Menggunakan Teknologi Web dan SMS*. Projek Sarjana Muda tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Tinto, V. (1996). Reconstructing the First Year of College [Electronic version]. *Planning for Higher Education*, 25(1), 1-6.
- Tuan Baharom Mahmood (1999). *Penasihat Akademik Satu Pandangan Peribadi*. Universiti Teknologi Malaysia. Fakulti Ukur dan Harta Tanah.
- Tuan Khairul Adhar Tuan Kub. (2008). *Pengetahuan Pelajar Tentang Peranan Penasihat Akademik bagi Pelajar-Pelajar Tahun Satu Sesi 2007/2008 di Universiti Teknologi Malaysia, Johor*. Projek Sarjana Muda tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Tuttle, K. N. (2000). Academic Advising. *New Directions for Higher Education*, 111, 15-24.
- Universiti Teknologi Malaysia (2010). *Panduan Sekretariat RU, Kaedah Penilaian Prestasi Staf Akademik*. Bahan Yang Tidak Diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Universiti Teknologi Malaysia (2010). *Academic Advising: Ensuring Student Success*. Office of Undergraduate Studies. Universiti Teknologi Malaysia.
- Upcraft, M. L., Gardner, J. N., & Barefoot, B. O. (2005). *Challenging and Supporting the First-Year Student: A Handbook for Improving the First Year of College*. San Francisco: Jossey-Bass.

- Wan Khairudin Wan Yahya (2003). *Persepsi Pelajar Tahun 3 & 4 (Pengajian Islam) terhadap Pelaksanaan Sistem Penasihat Akademik dalam meningkatkan Kecemerlangan Pelajar*. Projek Sarjana Muda tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Rafeah Wan Adnan (2008). *Persepsi Pelajar Pendidikan Tahun 3 (Spa/E/J/H) Terhadap Program Sokongan Pembelajaran (PA) di Universiti Teknologi Malaysia*. Projek Sarjana Muda tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Zainura Wan Yusof dan Absullah Sulong (2008). *Pengaruh Sistem Penasihat Akademik Terhadap Tahap Pencapaian Akademik Pelajar*. Projek Sarjana Muda tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Wintre, M. G., & Bowers, C. D. (2007). Predictors of persistence to graduation: Extending a Model and Data on the Transition to University model [Electronic version]. *Canadian Journal of Behavioural Science*, 39(3), 220-234.